

## **PEMIKIRAN AKIDAH MUHAMMAD BIN KHALIL AL-SAKUNI**

**Ahmad Arif Zulkefli**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,  
Melaka, Malaysia

**Muhammad Hafizi Rozali**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,  
Terengganu, Malaysia

**Khairul Azhar Meerangani**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,  
Melaka, Malaysia

**Mohammad Fahmi Abdul Hamid**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka,  
Melaka, Malaysia

*Corresponding Author's Email: arifzulkefli@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Abu 'Abd Allah Muhammad bin Khalil al-Sakuni al-'Ishbili al-Qayrawani atau lebih dikenali dengan Muhammad bin Khalil al-Sakuni merupakan seorang tokoh ulama terkemuka dalam mazhab akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah pada abad ke 7 Hijrah. Beliau meneruskan kesinambungan pemikiran akidah yang dibawa oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (m. 324H) di dunia barat Islam. Beliau merupakan seorang sarjana yang banyak meninggalkan sumbangan kepada keilmuan Islam khususnya dalam bidang akidah. Muhammad bin Khalil al-Sakuni mendapat sanjungan sebagai seorang mutakallimin yang terkemuka dalam kalangan ulama sezaman dengannya dan para sarjana Islam berikutnya sehingga ke hari ini. Ketokohan beliau terserlah berdasarkan karya-karyanya yang banyak dijadikan sebagai sumber rujukan para ulama Islam sepanjang zaman. Namun begitu, perbincangan berkaitan sumbangan beliau tersebut dilihat tidak banyak dikaji oleh pengkaji muta'akhirin di rantau ini. Justeru itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan beliau dari aspek pemikiran akidah dan implikasi sumbangan tersebut terhadap

perkembangan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah di dunia barat Islam. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif melibatkan analisis kandungan sumber primer (*maṣadir*) sama ada berbentuk manuskrip atau bahan bercetak dan juga sumber sekunder (*maraji*'). Kemudian data-data yang diperoleh, akan dianalisis menggunakan kaedah diskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa Muhammad bin Khalil al-Sakuni merupakan seorang ulama akidah terkenal yang telah memberikan sumbangan besar terhadap penyebaran mazhab al-Ash'ari di dunia barat Islam. Pemikiran akidah yang ditonjolkan oleh beliau dapat dijadikan sebagai iktibar dan rujukan umat Islam dalam menghadapi kemelut serangan pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

**Kata Kunci:** Pemikiran Akidah, Muhammad bin Khalil al-Sakuni, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah

## ***THE CREED OF MUHAMMAD BIN KHALIL AL-SAKUNI***

### **ABSTRACT**

*Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Khalil al-Sakuni al-'Ishbili al-Qayrawani or better known as Muhammad ibn Khalil al-Sakuni was a leading scholar in the school of belief of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah in the 7H. He continued the continuity of the aqedah thought brought by Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (d. 324H) in the western Islamic world. He was a scholar who left many contributions to Islamic knowledge, especially in the field of faith. Muhammad bin Khalil al-Sakuni was hailed as a prominent mutakallimin among the scholars of his contemporaries and subsequent Islamic scholars to this day. His prowess is evident based on his works which are widely used as a source of reference for Islamic scholars throughout the ages. However, the discussion on his contribution is not much studied by recent researchers in this region. Therefore, the main focus of this study is to examine his contribution from the aspect of faith thinking and the implications of that contribution on the development of the faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah in the western Islamic world. To achieve this goal, this study will use qualitative methods involving content analysis of primary sources (maṣadir) either in the form of manuscripts or printed materials and also secondary sources (maraji'). Then the data obtained, will be analysed using descriptive methods. The findings of the study found that Muhammad bin Khalil al-Sakuni is a well-known religious scholar who has contributed greatly to the spread of al-Ash'ari school in the western Islamic world. The aqedah thought that he highlighted can be used as a lesson and reference for Muslims in facing the crisis of thought attacks that are contrary to the true teachings of Islam.*

**Keywords:** *Pemikiran Akidah, Muhammad bin Khalil al-Sakuni, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah*

## PENGENALAN

Nama Muhammad bin Khalil al-Sakuni adalah sebuah nama yang gah disebut sebaris dengan tokoh-tokoh mutakallimin lain di dalam kitab sejarah dan diungkapkan oleh para pengkaji di dunia barat Islam. Karya-karyanya masih terus dibaca, dibincang dan dijadikan sebagai hujah dan sandaran nota-nota kaki dalam kajian-kajian mereka.

Beliau yang meninggal dunia sekitar kurun ke 7 Hijrah adalah merupakan tokoh mazhab al-Ash'ari yang unggul dan terkenal di dunia barat Islam. Kehebatan beliau di dalam bidang keilmuan tidak dapat disangkal lagi. Hal ini terbukti apabila beliau telah menghasilkan pelbagai karya yang menjadi sumber rujukan ulama terkemudian.

Di antara pendapat beliau yang didapati daripada hasil karyanya dan disepakati oleh kebanyakan ulama ialah apabila beliau mengatakan bahawa al-Asha'irah sebagai '*Ahl al-Haq*', dan '*Ahl Ilm al-Tawhid*'. Manakala ulamanya pula adalah ulama daripada kalangan *Ahl al-Haq*, dan mazhab mereka dikenali sebagai '*mazhab Ahl al-Haq*'. Muhammad bin Khalil al-Sakuni juga mengatakan bahawa al-Asha'irah adalah merupakan 'tiang seri kepada umat ini', bahkan merekalah yang dimaksudkan dengan golongan 'Ahli Sunnah', manakala mazhab selain daripada mereka pula adalah 'mazhab yang batil' (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th, 1993).

## KARYA MUHAMMAD BIN KHALIL AL-SAKUNI

Banyak kekeliruan yang berlaku dalam kalangan pengkaji karya Muhammad bin Khalil al-Sakuni, di mana terdapat sebahagian mereka yang tersilap menisbahkan kitab milik Muhammad bin Khalil al-Sakuni kepada anaknya yang bernama Abu Ali Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni. Hal ini berlaku kerana terdapat kecelaruan dalam kalangan sejarawan dan penyalin manuskrip (*nussakh*) dalam menisbahkan karya-karya ini kepada mereka berdua rentetan persamaan dari sudut manhaj pemikiran antara kedua-dua al-Sakuni ini. Selain itu, menurut sejarah, Umar al-Sakuni yang merupakan anak kepada Muhammad bin Khalil al-Sakuni telah berusaha mengembang luaskan projek akidah dan pemikiran bapanya setelah kematiannya.

Di antara karya-karya beliau adalah seperti berikut:

### 1. *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din*

Ramai pengkaji keliru dalam penisbahan kitab ini dan menisbahkannya kepada Umar al-Sakuni. Antara mereka adalah seperti Khayr al-Din al-Zirkili (2002), Umar Reda Kahalah (t.th), dan Muhammad Mahfuz (1984). Namun begitu, pentahkik kitab ini iaitu Yusuf Ihnanah telah membawakan bukti yang kukuh di dalam pendahuluannya terhadap kitab *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din* bahawa ia adalah milik Muhammad bin Khalil al-Sakuni (Yusuf Ihnanah, 1993). Selain itu, antara pengkaji kontemporari yang menisbahkan kitab ini juga kepada Muhammad bin Khalil al-Sakuni ialah 'Abd al-Qadir Zimamah dalam

pendahuluanannya terhadap kitab *Lahn al-‘Ammah wa al-Khasah fi al-Mu‘taqadat* karangan Abu ‘Ali ‘Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni (Majalah Ma‘had al-Makhtutat al-‘Arabiyyah, 1971).

## **2. *Al-Tamyiz lima Auda‘ahu al-Zamakhshari min al-I‘tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-‘Aziz***

*Kasshaf al-Kutub al-Makhtutat bi al-Khizannah al-Hassaniyyah* telah menisbahkan kitab ini kepada ‘Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni dengan judul *al-Tamyiz lima Auda‘ahu al-Zamakhshari min al-I‘tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-‘Aziz*, iaitu seperti mana yang terdapat pada manuskrip bernombor 2595 dan 8780 (‘Umar ‘Amru, 2007).

Namun begitu, menurut Khalid Zahri dalam Majalah al-Ibanah cetakan Markaz Abi al-Hassan al-Ash‘ari (2015) penisbahan ini tidak tepat kerana terdapat kekeliruan yang berlaku, dimana beliau menyatakan bahawa manuskrip no 8780 bukanlah merujuk kepada kitab *al-Tamyiz*, tetapi merujuk kepada kitab *Mukhtasar fi Usul al-Din Majmu‘ min Qat‘iyyat Kalam al-Mutaqaddimin min Ahl al-Haq wa al-Muta‘akhhirin* karangan ‘Umar al-Sakuni yang merupakan muqaddimah bagi kitab *al-Tamyiz*.

Manakala manuskrip yang bernombor 2595 pula, adalah merupakan koleksi manuskrip yang mengumpulkan dua kitab sekaligus iaitu kitab *Mukhtasar fi Usul al-Din Majmu‘ min Qat‘iyyat Kalam al-Mutaqaddimin min Ahl al-Haq wa al-Muta‘akhhirin* karangan ‘Umar al-Sakuni dan juga kitab *al-Tamyiz lima Auda‘ahu al-Zamakhshari min al-I‘tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-‘Aziz*. Namun begitu ia telah disalahfahami oleh Muhammad al-Mannuni bahawa seluruh koleksi ini adalah merupakan sebuah kitab yang berjudul *al-Tamyiz lima Auda‘ahu al-Zamakhshari min al-I‘tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-‘Aziz*. Beliau berkata:

“Kitab ini dimulai dengan muqaddimah tentang usuluddin sebanyak 64 muka surat, dan setelah muqaddimah itu datanglah komentar terhadap kitab *al-Kasshaf*” (Muhammad ‘Abd al-Hadi al-Mannuni, 2004).

Kesilapan ini juga turut dilakukan oleh Taj al-Din al-Subki (1967), Ahmad Baba al-Timbukti (2004), Ahmad bin al-Mubarak al-Lamati al-Sijilmasi (t.th) dan Hajji Khalifah (1943) dimana mereka juga turut menisbahkan kitab ini kepada ‘Umar al-Sakuni. Para sejarawan kontemporari juga banyak yang berpegang dengan pendapat mereka di dalam penisbahan ini seperti Isma‘il Basha al-Baghdadi (1951), Khayr al-Din al-Zirkili (2002), ‘Umar Reda Kahalah (t.th) dan Muhammad bin ‘Abd Allah al-Rushaid (2001).

Fakta yang sebenar ialah kitab ini merupakan hasil tulisan Muhammad bin Khalil al-Sakuni, akan tetapi beliau wafat sebelum sempat menghabiskannya, lalu anaknya ‘Umar al-Sakuni telah datang menyempurnakan kitab ini (Hassan Hasani ‘Abd al-Wahhab, 1990).

Namun begitu, jika diteliti semula, 'Umar al-Sakuni juga sebenarnya pernah menisbahkan kitab ini kepadanya, di dalam kitab beliau yang berjudul *Mukhtasar fi Usul al-Din Majmu' min Qat'iyat Kalam al-Mutaqaddimin min Ahl al-Haq wa al-Muta'akhhirin* yang beliau jadikan sebagai pendahuluan bagi kitab *al-Tamyiz lima Auda'ahu al-Zamakhshari min al-I'tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-'Aziz* ('Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th) dan juga menyebutkannya juga di dalam risalahnya yang berjudul *'Lahn al-'Ammah wa al-Khassah fi al-Mu'taqadat* dengan menyatakan bahawa kitab *al-Tamyiz lima Auda'ahu al-Zamakhshari min al-I'tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-'Aziz* adalah merupakan kitab karangannya, dimana beliau menyebutkan:

“... Dan kami telah memuatkan kaedah-kaedah Ahl al-Sunnah di dalam penafsiran perkara tersebut dan selainnya, di dalam muqaddimah kitab kami yang berjudul *al-Tamyiz lima Auda'ahu al-Zamakhshari min al-I'tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-'Aziz*” ('Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

Namun begitu, beliau juga menerangkan bahawa kitab ini adalah penulisan bersama bapanya, dimana bapanya telah memulakan penulisan ini akan tetapi wafat sebelum sempat menyelesaikannya, lalu ia disempurnakan oleh beliau. 'Umar al-Sakuni menyebutkan perkara ini ketika mentahzir kitab *al-Kasshaf* karangan al-Zamakhshari:

“Adapun tafsir al-Zamakhshari, kebanyakannya adalah berbentuk *i'tizal*, bahkan ada beberapa tempat yang membawa kepada kekufuran - kami berlindung dengan Allah -. Dan kami telah mengarang sebuah kitab untuk menolak kitab ini berjudul *al-Tamyiz lima Auda'ahu al-Zamakhshari min al-I'tizal fi Tafsirih li al-Kitab al-'Aziz*, ianya telah dimulakan oleh bapaku RH, kemudian Allah telah mengurniakan pengakhirannya di tanganku, segala puji bagi Allah” ('Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

Secara hakikatnya, 'Umar al-Sakuni juga turut terlibat dalam mengarang bab yang pertama daripada kitab ini iaitu bab penolakan terhadap al-Zamakhshari di dalam kitab *Maqasid al-I'tizal*, dan pandangannya yang menyalahi kaedah-kaedah mazhab sunni. Menurut Khalid Zahri (2015):

“Permulaan kitab ini tidak sunyi daripada campur tangan 'Umar al-Sakuni. Sekiranya ini benar, maka penyempurnaan yang dilakukan oleh beliau bukanlah bererti menyambung perbincangan ayahnya sahaja, tetapi juga menambahkan beberapa perkara lain selain daripada apa yang telah ditulis oleh ayahnya. Sekiranya begitu, maka ketika ingin menisbah kitab ini sepatutnya disebut: kitab al-Tamyiz karangan al-Sakuniyaini yang bererti (dua orang al-

Sakuni)” (Majalah al-Ibanah cetakan Markaz Abi al-Hassan al-Ash’ari (2015).

### 3. *Sharh al-Tanbih wa al-Irshad fi ‘Ilm al-I’tiqad*

Kitab ini adalah syarahan bagi *nazam* yang dikarang oleh Abu al-Hajjaj Yusuf bin Musa al-Darir (m. 520H) yang berjudul *al-Tanbih wa al-Irshad fi ‘Ilm al-I’tiqad* yang merupakan ringkasan bagi kitab *al-Irshad* karangan al-Juwayni (Yusuf Ihanah, 2007); (Jamal ‘Allal al-Bakhti, 2005).

Namun terdapat sesetengah buku bibliografi manuskrip menisbahkan karya ini kepada ‘Umar bin Muhammad bin Khalil al-Sakuni (‘Umar ‘Amru, 2007). Disini terdapat beberapa bukti untuk menolak kekeliruan ini dan menetapkan bahawa kitab ini adalah milik Muhammad bin Khalil al-Sakuni:

#### a. Keseragaman gaya dan metodologi penulisan.

Metodologi yang beliau gunakan untuk menolak golongan bukan Ahli Sunnah dan menetapkan akidah yang sahih (iaitu al-Asha’irah) adalah dengan menggunakan kaedah yang ringkas dan padat, iaitu dengan menghimpunkan kaedah *tanzih* (penyucian) dan *ta’zim* (pengagungan) di dalam lafaz-lafaz yang ringkas, (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993) dan ini adalah idea utama yang digarapkan oleh beliau dengan teliti di dalam syarahannya terhadap *nazam* al-Darir.

#### b. Kesamaan idea dan pandangan yang terdapat di dalam kebanyakan karya beliau.

Muhammad bin Khalil al-Sakuni dalam *Arba’un Mas’alatan fi Usul al-Din* menganggap mereka yang menyalahi Ahli Sunnah – sama ada golongan al-Murji’ah, al-Khawarij, atau selain daripada mereka – sebagai al-Mu’tazilah. Beliau mengatakan:

“Setiap orang yang menyalahi mazhab *Ahl al-Haq* yakni al-Ash’ariyyah, - tonggak umat ini - adalah al-Mu’tazilah, kerana mereka itu mengasingkan diri daripada al-Sunnah” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993).

Perkara yang sama juga turut disebutkan di dalam *Sharh al-Tanbih wa al-Irshad* dimana beliau menyebut:

“Maka mazhab *Ahl al-Haq* ialah mazhab al-Ash’ariyyah, dan mereka ini adalah golongan yang mengikuti apa yang ditinggalkan oleh Nabi SAW dan para sahabat baginda ... dan mereka adalah *Ahl al-Haq*, selain daripada mereka adalah al-Mu’tazilah kerana setiap yang mengasingkan diri daripada al-Sunnah dan

menyalahinya maka dia adalah salah, sama ada dia itu Qadari atau selainnya” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

### c. Faktor sejarah.

Yusuf Ihnanah (1993) di dalam pendahuluannya bagi kitab *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din* berpendapat bahawa Muhammad bin Khalil al-Sakuni mengarang kitab ini sewaktu masih berada di Andalus (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993). Walaupun beliau tidak mengemukakan bukti terhadap pernyataan ini, tetapi ia adalah satu pernyataan yang benar, berdasarkan apa yang ditulis oleh Muhammad bin Khalil al-Sakuni sendiri diakhir kitab ini yang menyatakan bahawa beliau menulisnya dalam suasana akidah umat Islam yang lemah dan kekerasan berlaku dimana-mana sahaja menyebabkan masyarakat hidup dalam ketakutan (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

Hal ini jelas membuktikan bahawa beliau mengarangnya sewaktu berada di Sevilla, Andalus yang mana pada waktu tersebut masyarakat hidup dalam ketakutan kerana diserang oleh tentera Kristian, lantas menyebabkan banyak keluarga Muslim di sana berhijrah ke negara-negara Afrika utara khususnya Maghribi. Keluarga al-Sakuni juga turut mengambil keputusan yang sama untuk berpindah ke Tunisia dan hidup dibawah pemerintahan kerajaan al-Hafsiyyah.

Ini adalah bukti kukuh bahawa pengarang kitab ini adalah Muhammad al-Sakuni, bukan 'Umar kerana sewaktu keluarga ini bermusafir ke Qayrawan, beliau masih lagi kecil. 'Umar al-Sakuni jika dilihat, wafat pada tahun 717H, dan Sevilla pula jatuh ke tangan Kristian pada tahun 646H, dan perbezaan diantara dua tarikh penting ini ialah 71 tahun. Jika diandaikan beliau wafat sewaktu berumur 80 tahun, ini bererti beliau telah keluar dari Sevilla sewaktu berumur 9 tahun. Dan suatu perkara yang mustahil pada umur yang begitu muda, beliau menulis sebuah kitab peringkat yang tinggi dan mendalam seperti *Sharh al-Tanbih wa al-Irshad*, kerana orang yang membaca kitab ini tidak akan ragu-ragu bahawa penulisnya adalah seorang yang mahir di dalam ilmu kalam dan mengarangnya setelah sempurna kecerdikan dan kematangan di dalam pemikiran dan ilmu kalam al-Ash'ari.

## 4. *Sharh Murshidah Muhammad bin Tumart*

Kitab ini antara adalah merupakan koleksi karya yang ditulis oleh Muhammad bin Khalil al-Sakuni. Di antara perkara yang boleh menguatkan kenyataan ini adalah:

### a. Penggunaan ibarat yang sama

Di dalam karya beliau yang bertajuk *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din*, beliau telah mengkritik golongan al-Mu'tazilah dengan mengatakan: “Maha Suci Allah daripada apa yang disebutkan oleh mereka” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993). Begitu juga di dalam *Sharh Murshidah* yang mana beliau turut

menyebutkan ibarat yang sama iaitu: “Maha Suci Tuhan Sekalian Alam daripada apa yang disebutkan oleh mereka” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

## **b. Kesetaraan idea dan pemikiran.**

Sekiranya dibuat perbandingan antara kitab *Sharh Murshidah* dan juga kitab *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din* yang telah disepakati milik Muhammad bin Khalil al-Sakuni, akan didapati persamaan antara keduanya dari sudut kesetaraan idea dan pemikiran.

Sebagai contoh di dalam *Sharh Murshidah* beliau menyebutkan:

“Allah SWT itu tidak boleh diumpamakan di dalam diri makhluk, kerana Dia tidak mempunyai perumpamaan, barangsiapa yang mengenali dirinya yang bersifat dengan sifat-sifat makhluk, maka dia akan mengenal Allah yang Maha Suci daripada perkara itu. Maka orang yang 'ārif akan menyembah Allah, dan orang yang jāhil akan menyembah gambaran Allah, dan menghadap kepada gambaran tersebut di dalam ibadahnya. Barangsiapa yang menyerupakan, mengumpamakan, membayangkan atau menggambarkan Allah, sesungguhnya Allah SWT tidak akan menerima ibadahnya walau sedikitpun” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

Idea yang sama juga turut disebutkan oleh Muhammad bin Khalil al-Sakuni di dalam *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din* dengan mengatakan bahawa:

“Orang yang tidak arif itu, dia akan menggambarkan Tuhan di dalam dirinya, atau membandingkanNya dengan sesuatu, kemudian dia menyeru atau beribadah kepada perkara itu, walhal Allah SWT berbeza dengan perkara tersebut” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993).

## **MUHAMMAD BIN KHALIL AL-SAKUNI MUTAKALLIM MAZHAB AL-ASH'ARI**

Muhammad bin Khalil al-Sakuni adalah merupakan seorang mutakalim yang bermazhab Ash'ari. Beliau termasuk mereka yang menambah sifat *Idrak* dalam sifat *Ma'ani* (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993) dan cenderung kepada madrasah *al-Mu'awwilah*. Hal ini dapat dilihat pada banyak tempat dimana beliau berusaha mentakwil *nusus mutashabihat* yang berbentuk *khbariyyah* (Ahmad Zarruq, 1979).

Contoh pentakwilan yang telah dibuat oleh beliau adalah seperti pentakwilan lafaz 'yad' difahami dengan makna kekuasaan atau nikmat; lafaz 'wajh' dengan makna kewujudan, keagungan dan kehormatan; lafaz 'nuzul' dengan makna menyampaikan perintah, atau turun rahmat, keampunan, kelebihan dan kemurahan; lafaz 'istiwa' dengan makna penguasaan dan



peninggian, atau penguasaan dan pemerintahan; dan lafaz 'langit' dengan makna ketinggian; lafaz 'dekat' dengan makna kemuliaan; lafaz 'kemurkaan Allah' dengan makna kehendak untuk melaknat hambaNya dan kehinaannya; lafaz '*al-ma'iyah*' dengan makna ilmu, pengawasan dan penglihatan Allah terhadap manusia; dan firman Allah (telah datang Tuhanmu) dengan makna datang perintahNya, dan Tuhan yang menjalankan hukumNya, sama seperti makna bagi lafaz *nuzul* (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th, 1993).

Beliau berpandangan bahawa mazhab al-Asha'irah yang melakukan takwil ini sebagai satu jalan yang konsisten, ia adalah jalan pertengahan di antara dua jalan; tidak *tajsim* (menjisimkan Allah) dan tidak *ta'til* (menafikan sifat Allah). Bagi beliau, sesiapa sahaja yang keluar daripada jalan ini akan jatuh ke dalam lembah *tajsim* dan *ta'til* (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

## PENDALILAN AKAL DAN TEKS WAHYU MENURUT AL-SAKUNI

Al-Sakuni di dalam kaedah pendalilan, sering menggabungkan penggunaan *sarih al-ma'qul* (dalil akal yang jelas) dan *sahih al-manqul* (teks wahyu yang disepakati) atau dikenali juga dengan dalil akal dan naqal. Beliau berpandangan bahawa kedua-dua dalil ini adalah saling melengkapi. Di dalam *Sharh al-Tanbih wa al-Irshad* beliau menyebutkan:

“Al-Kitab, al-Sunnah dan al-Ijma' itu kembali kepada perkara-perkara syarak secara mutlak, dan kepada perkara berbentuk akal pada sebahagian tempat, seperti firman Allah: (sekiranya ada dua Tuhan, nescaya akan rosaklah alam ini)” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

Antara dalil akal yang digunakan oleh beliau ialah:

### Dalil *al-Wujud*:

Beliau berkata: “Kita tidak dapat mengenali Allah SWT kecuali dengan melihat makhluk-makhlukNya. Hal ini sepertimana yang disebutkan di dalam beberapa ayat al-Quran: (فَلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ) (al-Qur'an, Yunus, 10:101), (وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا ) (يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ تَنْظُرُونَ) (al-Qur'an, al-Dhariyat, 51:21). Begitu juga dengan firman Allah SWT: (أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْآنَ) (أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ) (al-Qur'an, Muhammad 47:2), (وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ) (al-Qur'an, al-Isra' 17:44) dan banyak lagi” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

### Dalil *Butlan al-Tasalsul*:

Antara kaedah akal yang digunakan oleh beliau untuk menetapkan keqadiman kepada Allah SWT adalah dengan membatalkan kaedah *tasalsul*. Hal ini seperti mana yang dikatakan oleh beliau:

“Sekiranya kewujudan Allah itu mempunyai pengakhiran, nescaya Dia baharu dan berhajat kepada yang menciptakannya (kerana kewujudannya itu dapat dibatasi oleh suatu perkara yang lebih hebat daripadanya), dan ini akan membawa kepada *tasalsul* dan itu adalah mustahil” (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th).

### **Dalil *al-Mumana'ah*:**

Ia juga dikenali sebagai dalil *al-Tamanu'* atau dalil *al-Man'u* yang bermaksud saling mencegah (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th). Muhammad bin Khalil al-Sakuni dalam menetapkan keesaan Allah SWT, beliau menggunakan dalil *al-Mumana'ah*. Hal ini dengan mengandaikan jika terdapatnya dua tuhan, kemudian diandaikan pula bahawa Tuhan pertama ingin menurunkan hujan dan Tuhan kedua ingin menahan hujan pada tempat dan waktu yang sama, hasilnya tidak akan lari daripada tiga kemungkinan:

- Sama ada kedua-dua keinginan dua tuhan ini berlaku, atau
- Kedua-dua keinginan dua tuhan ini tidak berlaku, atau
- Berlaku salah satu daripada dua keinginan dua tuhan ini;

Kemungkinan yang pertama adalah mustahil kerana hal ini akan menyebabkan terhimpunnya dua perkara yang berlawanan dalam satu masa yang sama. Kemungkinan yang kedua juga adalah mustahil kerana suatu tempat itu tidak mungkin sunyi daripada sesuatu perkara atau lawannya. Begitu juga dengan kemungkinan yang ketiga kerana Tuhan yang tidak berlaku keinginannya itu akan menjadi lemah, dan seperti yang diketahui sifat lemah ini adalah mustahil bagi Tuhan.

Maka dari sini tetaplah bahawa Tuhan itu mestilah bersifat Esa atau tunggal dan ini bertepatan dengan firman Allah SWT : (لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا) (al-Quran, al-Anbiya', 21:22) (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, t.th); (al-Salaliji, 2008).

### ***Al-Qiyas al-'Aqli* :**

Umum mengetahui bahawa golongan al-Mu'tazilah menjadikan kaedah *Qiyas al-Gha'ib 'ala al-Shahid* sebagai dalil mereka yang paling kukuh (al-Qadi 'Abd al-Jabbar, 2006), walaupun begitu, ia tidak menghalang al-Sakuni daripada menggunakannya. Namun, ia digunakan dengan penuh berhati-hati iaitu dengan memenuhi empat syarat berikut: *al-Shart*, *al-Dalil*, *al-'Illah* dan *al-Haqiqah* yang juga dikenali sebagai al-Had (Muhammad bin Khalil al-Sakuni, 1993); (al-Juwayni, 1995).

## **KESIMPULAN**

Kedudukan Muhammad bin Khalil al-Sakuni sebagai seorang ilmuwan Islam agung tidak dapat disangkalkan lagi. Beliau mendapat sanjungan dari kalangan sarjana Islam sezaman dengannya dan para sarjana Islam berikutnya hingga ke

hari ini. Beliau adalah merupakan seorang mujtahid yang terkenal di dalam penyebaran mazhab al-Ash'ari di dunia barat Islam. Selain itu, beliau juga berjaya menerapkan asas-asas ilmu kalam dan menyebarkan ilmu akidah dalam kalangan masyarakat awam di dunia barat Islam. Beliau menyaring akidah mereka daripada pengaruh mazhab bukan sunni, dengan menolak usul mereka melalui penggunaan kaedah akal dan naqal. Sumbangan beliau masih berterusan dan berkekalan walaupun setelah kewafatan beliau dimana anaknya Abu 'Ali 'Umar bin Muhammad al-Sakuni telah mengambil alih tugas beliau. Bahkan mesej beliau tidak terhenti sehinggalah kemunculan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (m. 895H) yang memperluaskan syarahan serta memberikan nafas baru terhadap pemikiran beliau.

## RUJUKAN

- Abu Daud. (1974). *Sunan Abi Daud*. Syria: Dar al-Ḥadith.
- Ahmad bin al-Mubarak al-Lamati al-Sijilmasi, (t.th.) *Taqyid fi Naqd Ba'd Maqalat Sahib al-Kasshaf*, manuskrip al-Khizanah al-Hassaniyyah, Rabat, no. (12350).
- Ahmad Zarruq. (1979). *Kitab al-I'ānah*. Libya-Tunisia: al-Dar al-'Arabiyyah li al-Kitab.
- Ahmad Zarruq. (2007). *Sharh Risalah Ibn Abi Zayd al-Qayrawan*. Casablanca: Dar al-Rashad al-Hadithiyyah.
- Al-Baghdadi, Isma'il Basha. (1951). *Hadiyyat al-'Arifin: Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Musannifin*. Istanbul: Wikalat al-Ma'arif..
- Al-Juwayni. (1995). *Al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mannuni, Muḥammad 'Abd al-Hadi. (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din fi Manzur al-Gharb al-Islami Ayyam al-Murabitin wa al-Muwahhidin*. Rabat: t.pt.
- Al-Mannuni, Muḥammad 'Abd al-Hadi. (2004). *Muntakhabat min Nawadir al-Makhtutat*. Marrakesh: al-Matba'ah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Qadi 'Abd al-Jabbar. (2006). *Sharh al-Usul al-Khamsah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sakuni, Abu 'Ali 'Umar bin Muḥammad bin Khalil. (1971). *Lahn al-'Ammah wa al-Khassah fi al-Mu'taqadat* dlm Majalah Ma'had al-Makhtutat al-'Arabiyyah, 17(2).
- Al-Sakuni, Muhammad bin Khalil. (1993). *Arba'un Mas'alatan fi Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Sakuni, Muhammad bin Khalil. (t.th). *Sharh al-Tanbih wa al-Irshad fi 'Ilm al-I'tiqad*, Manuskrip al-Khizanah al-Hassaniyyah, Rabat, no. (12995).
- Al-Sakuni, 'Umar bin Muhammad bin Khalil. (t.th.). *Lahn al-'Ammah wa al-Khassah fi al-Mu'taqadat*. t.pt.:t.pt.
- Al-Sakuni, 'Umar bin Muḥammad bin Khalil. (t.th.). *Mukhtasar fi Usul al-Din Majmu' min Qat'iyyat Kalam al-Mutaqaddimin min Ahl al-Haq wa al-Muta'akhhirin*. manuskrip al-Khizanah al-Hassaniyyah, Rabat, no. (8780).
- Al-Salaliji, Abu 'Amr 'Uthman. (2008). *Al-'Aqidah al-Burhaniyyah*. Tetouan: Matba'at al-Khalij al-'Arabi.
- Al-Subki, Taj al-Din. (1967). *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*. Kaherah: Matba'at 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shuraka'ih.
- Al-Timbukti, Ahmad Baba. (2004). *Nayl al-Ibtihaj bi Tatriz al-Dibaj*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

- Al-Zamakshari. (1977). *Al-Kassaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zirkili, Khayr al-Din. (2002). *Al-A'lam: Qamus Tarajim li Ashar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'rabin wa al-Mustashriqin*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- Hajji Khalifah. (1943). *Kashf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Istanbul: Wikalat al-Ma'arif.
- Hassan Hasani 'Abd al-Wahhab. (1990). *Kitab al-'Umr fi Musannafat wa al-Mu'allafin al-Tunisiyyin*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Jamal 'Allal al-Bakhti. (2005). *'Uthman al-Salaliji wa Madhhabiyatuhu al-Ash'ariyyah: Dirasah li Janib min al-Fikr al-Kalami bi al-Maghrib min Khilal al-Burhaniyyah wa Shuruhiha*. Rabat: Dar Abi Raqraq.
- Khalid Zahri. (2006). Al-Mahdi al-Muntazar Wahum al-Intidhar wa Hamm al-Faraj. *Jurnal al-Maqalat al-Muntakhabah fi al-Mu'tamar al-'Alami al-Thani li al-Nazariyyah al-Mahdawiyyah*.
- Majalah al-Ibanah. (2015). t.tp.:Markaz Abi al-Hassan al-Ash'ari.
- Muhammad bin 'Abd Allah al-Rushaid. (2001). *Al-I'lam bi Tashih Kitab al-A'lam*. Riyadh: Maktabat al-Imam al-Shafi'i – Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Muhammad bin Khalil Al-Sakuni. (t.th.). *Al-Tamyiz lima Auda'ahu al-Zamakshari min al-I'tizal fi Tafsirihi li al-Kitab al-'Aziz*. Manuskrip al-Khizanah al-Hassaniyyah, Rabat. no. (2595).
- Muhammad Mahfuz. (1984). *Tarajim al-Mu'allifin al-Tunisiyyin*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- 'Umar 'Amru. (2007). *Kasshaf al-Kutub al-Makhtutah bi al-Khizanah al-Hassaniyyah*. Marrakesh: Al-Matba'ah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- 'Umar Reda Kahalah. (t.th.). *Mu'jam al-Mu'allifin: Tarajim Musannaf al-Kutub al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Yusuf Ihnanah. (2007). *Tatawwur Mazhab al-Ash'ari fi al-Gharb al-Islami*. Rabat: Dar Abi Raqraq.